

## SIARAN AKHBAR (MELAYU)

### **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENINGKAT DI DALAM SKOR *EASE OF DOING BUSINESS* DARI 69.6 KEPADA 70.1 DALAM LAPORAN BANK DUNIA *DOING BUSINESS 2020***

Bandar Seri Begawan, 24 Oktober 2019 – Bank Dunia telah menerbitkan laporan tahunan *Doing Business* bagi tahun ini (*Doing Business 2020*), yang mana telah mengukur dan menanda aras iklim pengawalseliaan perniagaan tempatan sesebuah negara dengan memberikan gambaran umum tentang ‘*ease of doing business*’, berdasarkan prestasi 10 petunjuk.

Laporan tahun ini mencatatkan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan dua reformasi ke arah memperbaiki rangka kerja pengawalseliaan. Penambahbaikan-penambahbaikan substantif dapat dilihat bagi rangka kerja pengawalseliaan tempatan terhadap petunjuk ‘*Enforcing Contracts*’ (66), dan ‘*Resolving Insolvency*’ (59) yang diketuai oleh Jabatan Perdana Menteri.

Ini boleh dikaitkan dengan penerbitan laporan dan statistik secara *online* oleh Jabatan Kehakiman Negara serta pelaksanaan reformasi-reformasi ke arah memperbaiki hak kreditor di dalam menjalani prosedur ketidaksolvenan, sekaligus menyumbang kepada pengukuhan rangka kerja ketidaksolvenan Negara secara keseluruhan.

Petunjuk-petunjuk lain yang menunjukkan peningkatan adalah ‘*Dealing with Construction Permits*’ yang diketuai oleh Kementerian Pembangunan; serta ‘*Getting Electricity*’, yang diketuai oleh Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, juga giat menjalankan penyelarasan proses bagi mendapatkan kebenaran penyambungan elektrik melalui pengurangan masa daripada 35 hari kepada 25 hari.

Negara Brunei Darussalam masih lagi mengekalkan kedudukannya di tangga yang pertama bagi petunjuk *'Getting Credit'*, berkongsi dengan New Zealand. Petunjuk ini yang diketuai oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam, mencerminkan kekuatan sistem laporan kredit dan maklumat peminjam dengan adanya pelaksanaan sistem pendaftaran kredit yang menyediakan perkhidmatan skor kredit bagi memudahkan bank-bank dalam membuat keputusan pinjaman; justeru akan memudahkan lagi proses bagi peniaga untuk mendapatkan pembiayaan kewangan.

Disamping itu, petunjuk-petunjuk lain yang masih lagi mengekalkan kedudukannya dari Laporan tahun lepas ialah *'Starting A Business'* (16) dan *'Trading Across Borders'* (149).

Walaupun beberapa usaha telah dilaksanakan bagi memperbaiki proses-proses yang berkaitan dengan perniagaan dalam kesemua petunjuk, beberapa petunjuk telah mengalami penurunan kedudukan, iaitu *'Registering Property'* daripada 142 kepada 144, *'Paying Taxes'* daripada 84 kepada 90, dan *'Protecting Minority Investors'* daripada 48 kepada 128 yang disebabkan oleh peningkatan kedaya saingan dan kadar pelaksanaan reformasi yang lebih pesat oleh negara-negara lain serta perubahan kepada fokus metodologi.

Laporan *Doing Business 2020* tahun ini telah membuat perubahan ke atas metodologi dan skop kajian yang belum pernah diambilkira di tahun-tahun sebelumnya. Sebagai misalnya, petunjuk *'Protecting Minority Investors'* telah memfokuskan kepada urus tadbir korporat bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di dalam bursa saham - sekiranya sesebuah ekonomi tidak mempunyai sebarang bursa saham yang aktif dengan sekurang-kurangnya 10 syarikat tersenarai yang bukan milik kerajaan (*state-owned*), maka tidak ada markah akan diberikan di bawah indeks *Extent of Shareholder Governance*. Pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang giat menjalankan usaha untuk menubuhkan Bursa Saham di Negara ini.

Perubahan metodologi Bank Dunia pernah berlaku sebelum ini semasa penerbitan Laporan *Doing Business* 2015 yang mencatatkan penurunan kepada kedudukan Negara secara drastik iaitu tangga ke-105 dari tangga ke-59.

Secara keseluruhan, ini bermakna bahawa Negara Brunei Darussalam kini berada di kedudukan ke-66 daripada 190 buah negara dengan peningkatan skor *Ease of Doing Business* (EODB) daripada 69.6 (*adjusted*) pada tahun 2019 kepada 70.1 pada tahun 2020. Negara Brunei Darussalam masih lagi mengekalkan kedudukannya di tangga ke-4 teratas, di bawah Singapura, Malaysia dan Thailand. Ini adalah selaras dengan peningkatan kedudukan Negara di dalam laporan *Global Competitiveness 2019* terbitan *World Economic Forum* dengan skor 62.8 markah daripada 100 dan menaiki 6 anak tangga ke kedudukan 56 daripada 141 ekonomi melalui peningkatan pemarkahan di dalam beberapa tunggak iaitu '*Macroeconomic Stability*', '*Skills*', '*Labour Market*', '*Financial System*', '*Market Size*', '*Business Dynamism*' serta '*Innovation Capability*'. Manakala 3 tunggak yang teratas ialah '*ICT Adoption (26)*', '*Labour Market (30)*' dan '*Product Market (37)*'.

Dorongan ke arah meningkatkan iklim pengawalseliaan perniagaan tempatan adalah berpandukan kepada pendekatan '*Whole-of-Nation*' yang diterajui dan dipantau melalui Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business*, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, dan dilaksanakan secara kolektif oleh *Champion Groups* dari Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Autoriti Monetari Brunei Darussalam



كمنٲرٲن ٲنناك  
(ٲنناك دان ٲنناك ماٲسٲ) دان فر اٲنڊوسٲرٲن  
KEMENTERIAN TENAGA  
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN

(AMBD), Darussalam Enterprise (DARE) dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri.

Pihak Kerajaan akan terus komited dalam usaha penyelerasan, pelaksanaan dan penguatkuasaan proses perniagaan dan perundangan yang lebih efisien dan inovatif dalam memastikan kedayasaingan Negara di arena global.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Ease of Doing Business**

**Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian**